

PROGRAM JELAJAH KEMPEN KESEDARAN KESELAMATAN SIBER DI PU GONG KEDAK

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2148-program-jelajah-kempen-kesedaran-keselamatan-siber-di-pu-gong-kedak

GONG KEDAK, 26 Jul 17 - Program Jelajah Kempen Kesedaran Keselamatan Siber Peringkat Kementerian Pertahanan dan ATM telah diadakan di Dewan Serbaguna Pangkalan Udara Gong Kedak. Program ini dijalankan selama dua hari bermula 25 Jul 17 hingga 26 Jul 17.

Taklimat mengenai Kesedaran Keselamatan Siber telah disampaikan oleh PS 3 Keselamatan, Lt Muhd Afiq Izzuan bin Ahmad Fauzi TLDM dan PS 3 Pematuhan, Kapt Mohd Shazmir bin Osman. Taklimat tersebut turut dihadiri Komander Pangkalan, YBhg Brig Jen Suhaimi bin Hussain TUDM, Pegawai Memerintah No 11 Skn, Kol Rozainy bin Ahmad Rapiee @ Ahmad Rofie TUDM, Pegawai Eksekutif, Pegawai-pegawai dan anggota Pangkalan Udara Gong Kedak serta Tim Kesedaran Keselamatan Siber.

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan serta mewujudkan kesedaran yang tinggi dikalangan anggota pangkalan akan risiko dan ancaman serangan siber yang boleh mengugat keselamatan serantau dan Negara serta menghindari insiden ancaman siber termasuklah pencemaran maklumat di platform siber. Selain itu juga, program ini memupuk semua warga pangkalan agar sentiasa berwaspada ketika menggunakan platform siber serta peka dan responsif terhadap ancaman dan serangan siber. Mesej utama perlaksanaan kempen ini iaitu “ Kenalpasti, Lindungi, Laporkan”.

DSC 5501

DSC 5502

DSC 5503



DSC 5505

DSC 5506



